

D138

R B162 DEB
MAHATHIR - KEMISKINAN
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 6 PETANG INI)

=====

(I)

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, TIDAK ADA SEBAB BAGI SESIAPA PUN DI NEGERI INI UNTUK MENJADI MISKIN KECUALI JIKA IA CACAT TERUK DAN TIDAK BOLEH BEKERJA.

KATANYA, PARA PEKERJA DARI INDONESIA, FILIPINA DAN THAILAND DATANG KE NEGARA INI KERANA MEREKA BOLEH BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN WANG.

+TERDAPAT BANYAK PELUANG UNTUK MEMBUAT DUIT DI NEGARA INI (OLEH PARA PEKERJA ASING ITU) KERANA KITA TIDAK BERMINAT UNTUK MEMBUAT DUIT DENGAN CARA YANG MEREKA LAKUKAN,+ KATANYA PADA WAWANCARA AKHIR TAHUN DENGAN PARA EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN.

PERDANA MENTERI TELAH DITANYA MENGAPA TAHAP KEMISKINAN DI NEGERI-NEGERI YANG KAYA DENGAN HASIL MINYAK SEPERTI DI TERENGGANU, SABAH DAN SARAWAK PADA HAKIKATNYA TELAH MENINGKAT SEPERTI YANG DAPAT DILIHAT DARIPADA ANGKA-ANGKA YANG DIBERIKAN DI BAWAH KAJIAN SEMULA SETENGAH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA.

+SAYA FIKIR IA BERPUNCA DARIPADA SIKAP -- KETIDAKSEDIAAN UNTUK BEKERJA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, MISALANNYA, RANCANGAN FELDA DI SABAH DAN SARAWAK TIDAK AKAN MENARIK PARA PEKERJA TEMPATAN SAMA SEKALI UNTUK MEMBABITKAN DIRI DALAM KERJA MEMBERSIHKAN TANAH DAN MEMBINA INFRASTRUKTUR UNTUK MEMBOLEHKAN PENEROKA MEMASUKI RANCANGAN TANAH ITU.

SEBALIKNYA, KERJA ITU SEMUANYA DILAKUKAN OLEH PARA PENDATANG FILIPINA DAN INDONESIA. -- LAGI.

1723MST 28 12 89

D139

R B163 DEB
MAHATHIR - KEMISKINAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+KINI JIKA RAKYAT SABAH PERGI KE RANCANGAN-RANCANGAN TANAH ITU UNTUK BEKERJA MAKA TIDAK AKAN ADA RAKYAT FILIPINA ATAU INDONESIA DAN MEREKA AKAN MEMPUNYAI WANG. BAGAIMANAPUN MEREKA TIDAK BERSEDIA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHAHTIR.

KATANYA, DALAM KES TERENGGANU DAN JUGA KELANTAN IA SEBAHAGIANNYA BERPUNCA DARIPADA PENGHIJRAHAN PENDUDUK.

RAKYAT KELANTAN DAN TERENGGANU YANG KAYA BERADA DI KUALA LUMPUR ATAUPUN SINGAPURA ATAUPUN DI TEMPAT-TEMPAT LAIN.

+KEBANYAKAN DARIPADA RAKYAT YANG MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG LUMAYAN DI CHOW KIT HASIL MENJUAL IKAN BAKAR IALAH ORANG KELANTAN,+ KATANYA.

+MEREKA YANG MASIH BERADA DI NEGERI KELANTAN MERUPAKAN ORANG YANG TIDAK BEGITU BERGIAT CERGAS DAN DENGAN ITU MEREKA MISKIN.+ -- BERNAMA.

1724MST 28 12 89